

# HITO STEYERL: FACTORY OF THE SUN

18.5.2023 – 24.9.2023

Tanjong Pagar Distripark

## **Hito Steyerl: Kilang Matahari**

Hito Steyerl

*Kilang Matahari*

2015

Video, Grid LED, kerusi pantai

Video: HD, saluran tunggal, format 16:9, warna dan bunyi (stereo), 23 min

Dalam instalasi video mercu tanda, *Kilang Matahari*, Hito Steyerl meneroka bagaimana peredaran imej yang berterusan dalam media kontemporari mempengaruhi realiti kita. Di layar, perbezaan antara hakikat dengan rekaan larut dalam montaj video tarian YouTube, rakaman pengawasan dron, permainan video, segmen berita yang direka dan dokumentasi pemberontakan-pemberontakan pelajar.

Dilhamkan oleh petikan daripada “A Cyborg Manifesto” Donna Haraway (1985), “mesin diperbuat daripada cahaya matahari,” *Kilang Matahari*, menceritakan kisah gharib buruh paksa di sebuah studio tangkapan gerakan. Apabila para pekerja di dalam studio itu menari, pergerakan mereka berubah menjadi cahaya matahari buatan, yang digunakan oleh syarikat global untuk dagangan frekuensi tinggi. Grid LED studio melangkaui skrin, menyambungkan galeri fizikal ke dunia maya filem tersebut, dan para penonton yang memasuki grid itu secara tidak sengaja menjadi salah seorang penari. Dengan demikian, Steyerl mencadangkan adanya jarak dekat antara realiti penari dengan kita sendiri, menunjukkan kepada kebenaran tertentu yang menyangga hiperbola karya seni tersebut: dalam masyarakat berangkai kita yang mana segala maklumat diperbuat daripada cahaya murni yang bergerak melalui kabel gentian optik, kerja-kerja penciptaan kandungan menghasilkan penciptaan nilai.

Naratif yang membentuk *Kilang Matahari* dipersembahkan sebagai permainan video rekaan. Kisah rekaan ini berasaskan realiti biografi peribadi Yulia, seorang pengaturcara permainan video yang keluarganya berhijrah dari yang dahulunya Soviet Union ke Kanada. Di ruang bawah tanah rumah baharu mereka, abangnya mencipta video tarian yang tular di internet dan kemudiannya ditiru dalam satu koreografi watak-watak anime. Realiti ini dirumitkan oleh siaran rekaan, termasuk laporan-laporan sebuah eksperimen di CERN — *European Organization for Nuclear Research* — yang mendakwa telah mengukur zarah yang bergerak lebih pantas daripada kelajuan

cahaya, dan cerita pertembungan maut antara sebuah dron autonomi dan penari-penari tangkapan gerakan itu. Dengan memanfaatkan kuasa cahaya matahari, para penari bergabung, mewujudkan potensi penentangan kolektif terhadap rejim-rejim autoritarian dan syarikat-syarikat.

*Kilang Matahari* muncul buat pertama kalinya di Paviliun Jerman untuk Venice Biennale 2015.



Imbas untuk membaca  
himpunan esei (ditulis  
dalam bahasa Inggeris)